

Headline	Banteras budaya LGBT hingga ke akar umbi		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	12 Jul 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p18	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,084
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,252



Banteras budaya LGBT hingga ke akar umbi



ABU KASSIM

PEKAN - Budaya lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang semakin menular dalam kalangan masyarakat terutama umat Islam semakin meruncing dan memerlukan kerjasama semua pihak untuk membendung isu ini.

Budaya ini perlu dihentikan kerana tiada peruntukan undang-undang atau agama di negara ini yang membenarkan hubungan sejenis, seks bebas dan perkahwinan sejenis.

Yang Dipertua Pas kawasan Pekan, Abu Kassim Manaf berkata,

Islam dari awal mengecam keperibadian buruk seperti itu, apatah lagi apabila ia bertentangan dengan fitrah semula jadi manusia yang ditentukan ALLAH SWT.

Menurutnya, gaya hidup LGBT mendedahkan pengamal kepada masalah sosial seperti pelacuran, dadah, risiko, HIV/Aids, kecelaruan psikologi dan mental.

"Kajian membuktikan faktor yang mendorong seseorang itu terjebak dengan gejala terbit seperti kemahuan dari dalam diri yang ingin menjadi individu serba boleh, bebas

melakukan apa saja yang digemari dan mahu mencari kelainan.

"Mereka sudah jauh dari landasan agama dan menafikan fitrah semula jadi manusia selain tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim sejati," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Beliau berkata, kini budaya itu berada pada tahap kritikal kerana segelintir masyarakat tidak mengendahnya dan lebih parah apabila mereka turut memberi kebenaran kepada golongan terbit untuk meneruskan budaya yang di-

laknat ALLAH SWT.

"Masyarakat kita sebenarnya tidak faham dengan tanggungjawab mereka dan ada di antaranya tidak ambil peduli dengan persekitaran mereka walaupun keruntuhan akhlak dapat dilihat dengan jelas dan meluas," katanya.

Oleh itu, setiap individu perlu memainkan peranan dan bertanggungjawab untuk menghapuskan budaya tersebut sekali gus mewujudkan sebuah masyarakat yang bertamadun dan berpegang teguh kepada ajaran agama.